

**MAJLIS PERBANDARAN KAJANG
TAWARAN SEBUTHARGA**

Tawaran ini adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang memiliki **Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK)**, dan **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** dari **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan berkaitan dan memiliki **Sijil Taraf Bumiputera** dari **Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU)**, atau syarikat-syarikat yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** dalam bidang dan jenis pendaftaran yang berkaitan bagi perolehan yang berkenaan. Kontraktor / syarikat juga perlu berdaftar dengan **Unit Perancang Ekonomi (UPEN) Selangor** dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja / perkhidmatan / bekalan berikut:

No. Sebutharga	Tajuk Projek	Pendaftaran dan Taraf	Gred, Kategori Dan Pengkhususan	Harga Dokumen (RM)	Tarikh Dokumen Dijual
MPKj S 63/2020	Kerja-Kerja Membaikpulih Bumbung Di Pangsapuri Wira, Taman Tun Perak, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.	CIDB G2	B04 & CE21	RM50.00	4 Mei 2020 Hingga Satu (1) Minggu Selepas Tarikh Tamat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)
MPKj S 64/2020	Kerja-Kerja Membaikpulih Bumbung Di Rumah Pangsa Taman Cheras Permai, Cheras Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.				
MPKj S 65/2020	Kerja-Kerja Membaikpulih Bumbung Di Pangsapuri RPKR Taman Desa Mutiara, Sungai Jelok, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.				
MPKj S 66/2020	Kerja-Kerja Membaikpulih Sebahagian Bumbung Di Pangsapuri Prima Cempaka, Kajang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.				
MPKj S 67/2020	Kerja-Kerja Mengecat Apartment Clemont Court, Taman Sri Aman Batu 9, Cheras.	CIDB G1	CE21		
MPKj S 68/2020	Kerja-Kerja Menurap Keseluruhan Jalan Di Apartment Serindit, Taman Impian Ehsan, Seri Kembangan Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.	CIDB G2	CE01 & CE21		
MPKj S 69/2020	Kerja-Kerja Mengecat Pangsapuri Seri Permai, Kampung Baru Semenyih, Semenyih.				

MPKj S 70/2020	Kerja-Kerja Mengecat Pangsapuri Sri Kundang, Hulu Langat.		CE21		
MPKj S 71/2020	Kerja-Kerja Mengecat Pangsapuri Gagah, Taman Tun Perak, Cheras.	CIDB G1			
MPKj S 72/2020	Kerja-Kerja Membaiki Saluran Paip Pembentung Di Blok Mawar Dan Cempaka, Pangsapuri Taman Harmoni Balakong Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.	CIDB G1	CE21		
MPKj S 73/2020	Kerja-Kerja Mengecat Dan Memasang "Gutter" Di Apartment Taman Rasa Sayang Serta Kerja-Kerja Yang Berkaitan Dengannya.	CIDB G2	B04 & CE21		

DOKUMEN MEJA TERKAWAL

Dokumen Meja Terkawal boleh disemak di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my>

Penyebutharga terlebih dahulu dikehendaki mendaftar secara atas talian di laman sesawang <http://tender.selangor.gov.my> dan Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) sebelum membeli Dokumen Tawaran.

Sila pastikan **MAKLUMAT SYARIKAT** (nombor telefon yang boleh dihubungi dan email) di dalam Sistem Tender Online Selangor 2.0 **DIKEMASKINI**.

Pembelian Dokumen Tawaran secara atas talian diwajibkan melampirkan salinan resit asal bayaran semasa tarikh tutup sebutbarga. Resit tersebut hendaklah dilampirkan di mukasurat hadapan dokumen. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Dokumen Tawaran ditolak.

Tempoh penjualan Dokumen Tawaran adalah pada **4HB. MEI 2020 HINGGA SATU (1) MINGGU SELEPAS TARIKH TAMAT PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**. Dokumen Tawaran tidak akan dikeluarkan selepas dari tarikh tersebut.

TARIKH PENYERAHAN

Dokumen Tawaran yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan bertanda dengan tajuk kerja berkenaan dan **dimasukkan ke dalam Peti Tawaran** di Bahagian Bekalan Dan Perolehan, Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Kajang, Menara MPKj, Jalan Cempaka Putih, Off Jalan Semenyih, 43000 Kajang, Selangor Darul Ehsan **SEBELUM atau PADA SATU (1) MINGGU SELEPAS TARIKH TAMAT PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) JAM 12.00 TENGAHARI.**

LAWATAN TAPAK

Lawatan tapak adalah **tidak diwajibkan**. Namun begitu, Penyebutharga dinasihatkan supaya melawat tapak projek sebelum mengemukakan sebutbarga bagi mengetahui lebih lanjut mengenai keadaan tapak bina yang akan dihadapi. Sebarang tuntutan akibat kesilapan dalam menentukan kaedah pembinaan atau menghargakan sebutbarga disebabkan kekurangan pengetahuan mengenai keadaan tapak bina tidak akan dilayan.

Dalam hal ini, sekiranya Penyebutharga mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakkan, penggunaan 'hand sanitizer' dan pemakaian 'face mask' perlu dipatuhi seperti yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).